



اَلْمَدِينَةُ السَّالِمَةُ
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Cawangan Negeri Sembilan

EDISI 13

OKTOBER 2024

BULETIN APB

*Global
Education*

AKADEMI PENGAJIAN BAHASA
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
CAWANGAN NEGERI SEMBILAN
KAMPUS SEREMBAN



Pendidik: Penyuntik Pendidikan Global

NOOR SHAHARIAH SALEH & RUHIL NADIAH ABU BAKAR
UiTM KAMPUS SEREMBAN

Dewasa ini, sering terlihat di dada akhbar dan platform dalam talian tentang berkurangnya sambutan graduan lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) untuk menyambung pelajaran ke peringkat institusi pengajian tinggi. Pendidikan peringkat tinggi tidak lagi dilihat sebagai satu medium yang memberi jaminan kebolehpasaran graduan dalam alam pekerjaan. Tidak mengejutkan apabila generasi muda berpendapat bahawa melanjutkan pelajaran ke pendidikan tinggi adalah satu pembaziran. Melihat kepada situasi ini, pendidik dilihat sebagai satu medium penting sebagai jambatan yang menghubungkan generasi muda untuk kembali mempercayai institusi pendidikan sebagai alternatif bagi meningkatkan kebolehpasaran individu dalam bidang pekerjaan.

Perkara utama dalam menarik kembali kecintaan generasi muda dalam menimba ilmu adalah dengan meningkatkan taraf pendidikan warga pendidik dalam bidang teknologi. OECD/Asia Society (2018) menekankan bahawa kemajuan teknologi dapat membantu menghubungkan negara dan pasaran secara global. Keperluan terhadap teknologi ini menjadikan kecekapan dan penguasaan kemahiran satu keperluan kepada pelajar bagi meletakkan mereka di peringkat dunia (Yacob et al., 2022). Oleh itu, warga pendidik perlu menyedari peranan guru bukan sahaja terhadap kepada pemulihan pendidikan akan tetapi merangkumi cara pendidik mencorak pelajar, meneroka pelbagai bidang baharu dan mereka pembelajaran yang efektif. Antara perkara yang perlu diberi penekanan oleh pendidik adalah dengan meningkatkan ilmu dan kemahiran dalam bidang teknologi. Dalam usaha memberi pendedahan kepada pelajar dalam pendidikan yang bersifat global, kemahiran yang tinggi dalam mengelola dan mengendali teknologi amatlah diperlukan. Ini adalah kerana antara kualiti pembelajaran yang berkesan adalah melalui tauladan dan model daripada pendidik sendiri. Melalui kemahiran tinggi dan ilmu dalam mengendali teknologi yang kukuh, pendidik akan

kembali menjadi tempat bergantung ilmu dan pakar rujuk pelajar, justeru, hal ini dilihat mampu untuk mengembalikan kepercayaan mereka terhadap pendidikan di institusi pendidikan yang bersifat global dan memenuhi permintaan terkini pasaran.



Penggunaan bahan pengajaran yang mengambil kira kepelbagaian perspektif dan budaya akan memberi ruang kepada penglibatan dan pendedahan pelajaran terutama dalam perbincangan. Namun begitu, pendedahan ini bukan hanya perlu disasarkan kepada subjek atau program tertentu sahaja malahan terdapat keperluan untuk penyepaduan isu global secara menyeluruh merentas semua mata pelajaran (Ibrahim & Mohd Matore, 2024). Penglibatan pendidik secara menyeluruh dapat menjadikan pendidikan sebagai pemangkin dalam memupuk pemikiran lestari, rasa tanggungjawab dan sikap positif dalam kemampuan adaptasi budaya dunia.

Selain itu, penglibatan pendidik dalam membuat keputusan perlulah diberi penekanan dalam sesebuah institusi pendidikan. Hal ini bukan sahaja melibatkan pendidikan di peringkat sekolah akan tetapi juga merangkumi peringkat tinggi. Laporan UNESCO (2023) turut memberi penekanan kepentingan penyusunan semula penglibatan guru dalam keputusan di samping penyusunan semula pengajaran dan pembangunan profesional pendidikan dalam penekanan dalam bidang tersebut.

Dengan mengambil kira pendapat dan idea warga pendidik bagi membuat keputusan dalam memajukan serta menarik minat generasi muda adalah amat penting kerana golongan ini merupakan barisan yang mempunyai pengalaman berhubung secara terus dengan bakal graduan. Situasi ini membolehkan golongan pendidik memahami dan mengenalpasti keperluan dan kehendak pelajar. Secara tidak langsung, mereka mempunyai kelebihan daripada segi memberi pengaruh kepada arah tuju keputusan dan penglibatan pelajar dalam dunia pekerjaan. Hal ini terutamanya dapat membimbing generasi muda agar lebih bersikap realistik dalam menceburi bidang pekerjaan dan membuka mata bakal graduan bidang-bidang berpotensi membawa mereka ke peringkat global.

Konklusinya, warga pendidik, secara khususnya, perlu lebih cakna dan kreatif dalam mengambilkira sesi pembelajaran, meningkatkan penguasaan dalam bidang teknologi dan terlibat secara terus dalam pembangunan pelajar di negara ini. Selain itu, pihak kerajaan dan institusi pengajian tinggi perlu mengambil langkah mempromosi dan menarik minat generasi muda untuk menimba ilmu dan menyambung pelajaran ke peringkat lebih tinggi. Bukan itu sahaja, kepentingan pendidikan perlu mendapat sorotan dan keabsahan pihak kerajaan bagi mendapat perhatian rakyat terutama generasi muda. Hal ini bagi mengelakkan ketandusan golongan profesional bukan sahaja dalam bidang sains, teknologi dan ekonomi, tetapi juga lapangan pendidikan.



Rujukan

- Global report on teachers: What you need to know.* (2023). Unesco.org. <https://www.unesco.org/en/articles/global-report-teachers-what-you-need-know>
- Ibrahim, S. N. A. & Mohd Matore, M. E. (2024). How Does Global Competency Look Like in Malaysian Teachers? Issues and Suggestions. *International Journal of Academic Research in Progressive Education & Development*, 13(2), 837-844. DOI:10.6007/IJARPED/v13-i2/21375.
- Marketing Xplorenew. (2024, February 20). *Global Education: The Role of Teachers in Fostering Global Citizens Best School in Hyderabad.* <https://prachinglobalschool.com/global-education-the-role-of-teachers-in-fostering-global-citizens/#:~:text=Teachers%20inculcate%20critical%20thinking%20abilities,towards%20people%20from%20various%20communities.>
- OECD/Asia Society (2018). *Teaching for Global Competence in a Rapidly Changing World.* New York, NY: Asia Society.
- Yacob, N. S., Yunus, M. M., & Hashim, H. (2022). The Integration of Global Competence Into Malaysian English as a Second Language Lessons for Quality Education (Fourth United Nations Sustainable Development Goal). *Frontier in Psychology*. 13:848417. doi: 10.3389/fpsyg.2022.848417